

Sasar Tanam 20 Juta Pokok Tahun Ini

Bangi: Sebanyak 51.2 juta pokok merangkumi lebih 1,000 spesies ditanam di seluruh negara setakat 13 Januari lalu melalui

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 sejak dilancarkan 5 Januari 2021.

Kempen berkenaan bertepatan Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita.

Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Datuk Seri Huang Tiong Sii berkata, sepanjang tahun lalu, kempen itu sudah berjaya melepasi sasaran.

Tahun ini, sasaran penanamannya membabitkan 20 juta pokok.

Beliau berkata, pencapaian kempen itu boleh di-

peroleh melalui aplikasi Penghijauan Malaysia dan di www.100jutapokok.gov.my.

“Tanggungjawab memelihara dan memulihara flora dan fauna adalah tanggungjawab kita bersama dan bukan hanya terletak di bahu kerajaan sahaja.

“Oleh itu, syarikat korporat harus menyedari bahawa mereka perlu bertindak melebihi tanggungjawab perniagaan dan menjadikan usaha menjaga alam sekitar secara khususnya sebagai usaha progresif bersama.

“Sebagai contoh, inisiatif Kumpulan *Touch 'n Go* (TNG) menyediakan platform kepada orang ramai

Sasar tanam 20 juta pokok tahun ini



TIONG Sii (tiga dari kiri) menyiram pokok sebagai simbolik perasmian di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, semalam. - Gambar NSTP/FATHIL ASRI

untuk turut serta dalam usaha penanaman pokok. Orang ramai boleh memberi sumbangan secara terus menerusi aplikasi *Touch 'n Go eWallet* untuk menyokong kempen ini,” katanya pada perasmian kempen itu di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Kempen dianjurkan TNG, Yayasan Hijau Malaysia (YHM) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Alan Ni, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Mohd Ridza Awang, Yang Dipertua MPKJ, Najmuddin Jemain dan Ketua Pegawai Eksekutif YHM, Amin Abdullah.